KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	23.05.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	TNB			

BH 230522

Pecah tanah empangan hidroelektrik Nenggiri bulan depan

Kota Bharu: Majlis pecah tanah projek pembinaan empangan hidroelektrik di Nenggiri, Gua Musang akan dilakukan pertengahan bulan depan.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata projek bernilai RM5 bilion itu dijangka akan dimulakan secara agresif sebaik pecah tanah dibuat.

"Projek pembinaan Empangan Nenggiri yang dimajukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam peringkat untuk dimulakan dan saya difahamkan dalam pertengahan bulan depan akan dilakukan pecah tanah oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

"Harap dengan pecah tanah nanti, projek ini akan dimulakan secara agresif kerana ia cukup penting, bukan sahaja untuk sumber bekalan tenaga tapi juga untuk pertanian selain berfungsi sebagai tebatan banjir," katanya kepada pemberita di sini, malam kelmarin.

Terdahulu, Takiyuddin yang juga Ahli Parlimen Kota Bharu hadir pada jamuan Aidilfitri di Pasar Malam Wakaf Che Yeh, di sini sambil menyempurnakan gimik pelancaran pintu gerbang baharu kawasan itu sebagai Zon Komersil 24 jam di bawah pemajak baharu, XCFU Zone Sdn Bhd.

Beliau berkata, pasar awam bersepadu Wakaf Che Yeh adalah destinasi yang tidak asing lagi kepada rakyat tempatan serta luar Kelantan dan proses menaiktaraf fasiliti sangat diperlukan.